

Faktor personaliti, konteks kaitan sejarah pertemuan Trump, Jong-un

Komentari



Abdul Muein Abadi

Pensyarah Program Sains Polit
Universiti Kebangsaan Malaysia
(UKM)

Perhatian seluruh dunia kini tertumpu ke Singapura di mana sejarah bakal tercipta dalam Sidang Kemuncak Keamanan Amerika Syarikat (AS) diwakili Presiden Donald Trump dengan Korea Utara yang dipimpin Kim Jong-un.

Buat pertama kalinya, seorang Presiden AS bakal berunding secara langsung dengan Presiden Korea Utara mengenai isu keselamatan di Semenanjung Korea yang turut mempengaruhi iklim politik global. Dua faktor utama perlu diberi perhatian iaitu personaliti Trump dan Jong-un serta konteks politik dua kuasa ini.

Trump terkenal dengan taktik rundingan perniagaannya yang diaplikasi ke dalam dunia politik dengan mengambil langkah menegaskan semaksimum mungkin kehendak dan kepentingannya sebelum berkompromi. Jong-un pula terkenal agresif seperti mana serangan peluru berpandu yang diarahkan ke Pulau Yeonpyeongdo milik Korea Selatan sebaik berkuasa pada 2011. Demikian juga beberapa pembunuhan

berprofil tinggi membabitkan beberapa individu seperti bapa saudara dan abang tiri beliau.

Dari segi konteks, Trump berdepan latar lebih berat berbanding Jong-un. Trump tiba di Singapura dalam keadaan baharu sahaja 'berperang' kenyataan dengan sekutu Kumpulan 7 (G-7) di Kanada. Pentadbiran beliau juga berdepan masalah reputasi susulan isu nuklear Iran dan pembunuhan besar-besaran Israel ke atas warga Palestin susulan perasmian kedutaan baharu AS di Baitulmaqdis.

Jong-un pula, meskipun rakyat Korea Utara didakwa berada dalam keadaan kemiskinan akibat sekatan antarabangsa, namun Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mereka berjaya ditingkatkan baru-baru ini. Maka, pertemuan ini bakal menghadirkan beberapa keputusan positif buat Pyongyang termasuk isu senjata nuklear Korea Utara.

Malah, nyaris sahaja Sidang Kemuncak Singapura ini dibatalkan Trump pada 24 Mei lalu gara-gara beliau kurang berpuas hati dengan rundingan awal

di balik tabir membabitkan isu senjata nuklear Pyongyang ini.

Trump dalam kempen pilihan raya Presiden AS dahulu berjanji untuk berunding dan menujuk Jong-un supaya hentikan program nuklear Pyongyang. Korea Utara beri isyarat positif apabila menamatkan operasi loji nuklear utama di Punggye-ri pada Mei 2018. Di Punggye-ri, Korea Utara pada 2017 menguji bom nuklear dianggarkan lapan kali ganda lebih berkuasa berbanding bom atom digugurkan AS di Hiroshima sewaktu Perang Dunia Kedua.

Secara tidak langsung, pembangunan peluru berpandu balistik antara benua (ICBM) juga bakal terkesan. Sejak April hingga Ogos 2017, Korea Utara berjaya meningkatkan keupayaan peluru berpandu ICBM menerusi siri ujian yang menyaksikan jarak sasaran peluru berpandu mereka berpotensi menjangkau Alaska, Hawaii, Chicago dan Denver, AS.

Hwasong-14, misalnya, berjaya diuji dengan jarak jangkauannya anggaran 6,000 hingga 10,000 kilometer. Malah, Pyongyang secara terbuka menyatakan

bom hidrogen boleh dipasang pada ICBM seperti Hwasong-14.

Himpitan ekonomi

Sekatan ekonomi antarabangsa ke atas Korea Utara juga berkeungkinan dikurangkan secara berperingkat. Pasti Korea Utara akan merundingkan isu ini demi menjamin kelangsungan mereka yang dihimpit tekanan ekonomi. Keadaan ini juga bakal menyaksikan kemungkinan kebangkitan kuasa ekonomi Korea Utara seperti Komunis Vietnam dan juga Komunis China apabila mereka berintegrasi dalam ekonomi dunia untuk jangka panjang.

Isu keberadaan 'Terminal High Altitude Area Defense System' (THAAD) di Korea Selatan juga menarik perhatian kerana Pyongyang (juga Beijing) melihat sistem itu yang dipasang AS sebagai bukti pengukuhan pengaruh ketenteraan Washington di Semenanjung Korea.

Penulis ialah Pensyarah
Program Sains Politik
Universiti Kebangsaan
Malaysia (UKM)

